

PELAWAAN SEBUT HARGA

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal tempatan di negeri **Selangor, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur** yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia yang masih sah tempohnya sama ada bertaraf **Bumiputera atau bukan Bumiputera (mengikut syarat kelayakan)** untuk mengemukakan sebut harga seperti berikut:

No. Sebut Harga	Tajuk	Kelayakan	Tarikh Sebut Harga Dibuka	Tarikh Sebut Harga Ditutup
2/2019	Sewaan Ruang Kafeteria (<i>Outsource</i>) Bagi Penjualan Makanan Dan Minuman Selama 2 Tahun Mulai Tahun 2019 Di Bangunan Mercuru MQA	Bertaraf Bumiputera dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan berdaftar dalam kod bidang 040103 – makanan bermasak islam.	8 Mac 2019 (Jumaat)	18 Mac 2019 (Isnin), Jam 12.00 tengahari
3/2019	Membekal, Menghantar, Memasang, Mengkonfigurasi, Menguji, Mentauliah Dan Menyenggara Perkakasan Rangkaian Dalam Tempoh Jaminan Bagi Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)	Bertaraf Bumiputera atau bukan Bumiputera dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan berdaftar dalam kod bidang: (i) 210102 - <i>hardware (high end technology) - all types of server, mainframe, high end printers, storage area network (SAN, NAS) including maintenance;</i> dan (ii) 210105 - <i>telecommunication/ networking-supply product, infrastructure, services including maintenance (LAN/WAN /Internet/ Wireless/ Satellite).</i>	8 Mac 2019 (Jumaat)	18 Mac 2019 (Isnin), Jam 12.00 tengahari

5/2019	Kerja-Kerja Membekal, Menghantar, Memasang, Mengkonfigurasi, Menguji Dan Mentauliah Server <i>Virtualization</i> Termasuk Migrasi Data Beserta Kerja-Kerja Berkaitan Untuk Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)	Bertaraf Bumiputera atau bukan Bumiputera dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan berdaftar dalam kod bidang: (i) 210102 - <i>hardware (high end technology) - all types of server, mainframe, high end printers, storage area network (SAN, NAS) including maintenance;</i> dan (ii) 210105 - <i>telecommunication/networking-supply product, infrastructure, services including maintenance (LAN/WAN /Internet/ Wireless/ Satellite).</i>	8 Mac 2019 (Jumaat)	18 Mac 2019 (Isnin), Jam 12.00 tengahari
--------	--	---	---------------------	--

2. Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor **Bumiputera Negeri Selangor sahaja** yang berdaftar dengan Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan (BPKU), Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang masih sah tempohnya dalam gred, kategori dan pengkhususan berkaitan untuk mengemukakan sebut harga seperti berikut:

No. Sebut Harga	Tajuk	Kelayakan	Tarikh Sebut Harga Dibuka	Tarikh Sebut Harga Ditutup
4/2019	Kerja-Kerja Membekal Perkakasan Bilik Server Dan Bilik-Bilik ICT Beserta Kerja-Kerja Berkaitan Untuk Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)	(i) Kontraktor hendaklah mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) yang sah dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB); (ii) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang sah dalam Gred G2: (a) Kategori Mekanikal (M) dan Elektrik (E) serta pengkhususan:	8 Mac 2019 (Jumaat)	18 Mac 2019 (Isnin), Jam 12.00 tengahari

		<p>(1) M01 – sistem hawa dingin dan pengedaran udara;</p> <p>(2) E02 – sistem pengawasan dan keselamatan; dan</p> <p>(3) E04 – pemasangan voltan rendah.</p> <p>(iii) Sijil Taraf Bumiputera (STB) yang sah dengan Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU).</p>		
6/2019	Kerja – kerja Membekal dan Memasang Lapisan Kalis Air di Atas Permukaan Lantai Bumbung Rata Konkrit Serta Kerja-kerja Lain Yang Berkaitan Di Bangunan Mercu MQA, Cyberjaya	<p>(i) Kontraktor hendaklah mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) yang sah dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB);</p> <p>(ii) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang sah dalam Gred G1:</p> <p>(a) Kategori Bangunan (B) dan Pengkhususan:</p> <p>(1) B08 – pemasangan bahan kalis air.</p> <p>(iii) Sijil Taraf Bumiputera (STB) yang sah dengan Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU).</p>	8 Mac 2019 (Jumaat)	18 Mac 2019 (Isnin), Jam 12.00 tengahari

3. Pembekal yang berminat untuk menyertai sebut harga ini **wajib** untuk menghadiri **taklimat sebut harga** ini.

4. Taklimat sebut harga akan diadakan pada:

Tarikh : 7 Mac 2019 (Khamis)
Masa : 10.00 pagi
Tempat : Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)
Auditorium Aras 5, Mercu MQA
No. 3539, Jalan Teknokrat 7, Cyber 5
63000 Cyberjaya
Selangor

Mohon bawa bersama borang Senarai Semak Pelawaan Sebut Harga yang telah dilengkapkan semasa hadir taklimat. Senarai Semak Pelawaan Sebut Harga ini boleh dicetak menerusi portal MQA www.mqa.gov.my

5. **Dokumen sebut harga akan dikeluarkan kepada wakil syarikat yang sah sahaja.** Untuk maksud ini, **wakil syarikat dikehendaki membawa perakuan/sijil asal dan satu salinan yang masih dalam tempoh sah laku semasa hadir taklimat** seperti yang disenaraikan di bawah:

No. Sebut Harga	Tajuk	Sijil-sijil
2/2019	Sewaan Ruang Kafeteria (<i>Outsource</i>) Bagi Penjualan Makanan Dan Minuman Selama 2 Tahun Mulai Tahun 2019 Di Bangunan Mercu MQA	(i) Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan Malaysia; (ii) Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera dengan Kementerian Kewangan Malaysia (jika syarat memerlukan pembekal bertaraf Bumiputera); (iii) Perakuan Pendaftaran Syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); dan (iv) profail syarikat.
3/2019	Membekal, Menghantar, Memasang, Mengkonfigurasi, Menguji, Mentauliah Dan Menyenggara Perkakasan Rangkaian Dalam Tempoh Jaminan Bagi Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)	(i) Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan Malaysia; (ii) Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera dengan Kementerian Kewangan Malaysia (jika syarat memerlukan pembekal bertaraf Bumiputera); (iii) Perakuan Pendaftaran Syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); dan (iv) profail syarikat.
4/2019	Kerja-Kerja Membekal Perkakasan Bilik <i>Server</i> Dan Bilik-Bilik ICT Beserta Kerja-Kerja Berkaitan	(i) Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) yang sah dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) (jika berkenaan);

	Untuk Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)	<ul style="list-style-type: none"> (ii) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) (jika berkenaan); (iii) Sijil Taraf Bumiputera (STB) (jika berkenaan); (iv) Perakuan Pendaftaran Syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); dan (v) profail syarikat.
5/2019	Kerja-Kerja Membekal, Menghantar, Memasang, Mengkonfigurasi, Menguji Dan Mentauliah <i>Server Virtualization</i> Termasuk Migrasi Data Beserta Kerja-Kerja Berkaitan Untuk Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)	<ul style="list-style-type: none"> (i) Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan Malaysia; (ii) Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera dengan Kementerian Kewangan Malaysia (jika syarat memerlukan pembekal bertaraf Bumiputera); (iii) Perakuan Pendaftaran Syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); dan (iv) profail syarikat.
6/2019	Kerja – kerja Membekal dan Memasang Lapisan Kalis Air di Atas Permukaan Lantai Bumbung Rata Konkrit Serta Kerja-kerja Lain Yang Berkaitan Di Bangunan Mercu MQA, Cyberjaya	<ul style="list-style-type: none"> (i) Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) yang sah dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) (jika berkenaan); (ii) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) (jika berkenaan); (iii) Sijil Taraf Bumiputera (STB) (jika berkenaan); (iv) Perakuan Pendaftaran Syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); dan (v) profail syarikat.

6. Dokumen sebut harga yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dituliskan di bahagian atas sebelah kiri sampul surat berkenaan tajuk sebut harga dan nombor sebut harga. Tawaran tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga yang disediakan:

Tarikh : 18 Mac 2019 (Isnin)
Masa : sebelum 12.00 tengahari
Tempat : Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)
Lobi, Mercu MQA
No. 3539, Jalan Teknokrat 7, Cyber 5
63000 Cyberjaya
Selangor

7. Tawaran sebut harga yang diterima selepas tarikh dan masa tutup pelawaan tidak akan dipertimbangkan.
8. **Pembekal dikehendaki membaca dan memahami keseluruhan butiran dokumen sebut harga** sebelum mengemukakan tawaran dan menjadi tanggungjawab pembekal untuk mendapatkan penjelasan daripada pihak MQA.
9. Pegawai MQA atau ahli keluarga atau saudara terdekat mereka adalah dilarang daripada menyertai sebut harga ini. Pembekal yang menyertai tawaran ini hendaklah memastikan tidak mempunyai kepentingan atau pertalian keluarga terdekat dengan pegawai MQA.
10. Keputusan sebut harga adalah MUKTAMAD dan sebarang surat-menyurat tidak akan dilayan.
11. Sekiranya pihak tuan tidak menerima sebarang maklum balas daripada pihak MQA dalam tempoh 45 hari dari tarikh tawaran ini ditutup, permohonan tuan dianggap tidak berjaya.